

Kerbau Telupid

Universiti Putra Malaysia berjaya menjalankan kajian pembaikbaka kerbau untuk meningkatkan populasinya

SABAH merupakan antara negeri yang memiliki jajaran pantai terbesar di Malaysia. Negeri itu juga memiliki pelbagai adat dan budaya berikutan terdapat 30 etnik dan suku kaum. Kepelbagaian entik tersebut menyaksikan budaya menjadikan kerbau sebagai haiwan ternakan utama dan dijadikan hidangan istimewa pada majlis perkahwinan.



ANAK kerbau dibiarkan lepas bebas untuk berkubang bagi menyejukkan badan.

ANAK kerbau dibiarkan lepas bebas untuk berkubang bagi menyejukkan badan.



(DARI kiri) Dr. Md. Zuki, Dr. Zamri dan Dr. Azhar (dua dari kanan) bergambar bersama kakitangan Pusat Pembiakan dan Penyelidikan Kerbau di Telupid, Sabah.



SALAH satu kaedah yang digunakan untuk mengambil sampel darah kerbau.

JIKA dahulu, bilangan kerbau peliharaan dijadikan sebagai kayu ukur kedudukan seseorang pemuda untuk proses mencari pasangan hidup.

Kini peranan kerbau di Sabah masih sama, iaitu membekalkan daging untuk penduduknya, sama seperti masyarakat di Semenanjung terhadap daging lembu.

Biarpun permintaan terhadap kerbau semakin meningkat saban tahun, namun penguasaan di bidang ternakan haiwan itu masih kurang.

Menurut penyelidik dan pakar kesihatan ternakan ruminan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr. Mohd. Zamri Saad, masyarakat di Sabah masih menggunakan kaedah tradisional dalam memelihara kerbau.

“Kita boleh lihat kerbau yang dipelihara kebanyakannya dilepas bebas. Apabila diperlukan haiwan tersebut akan ditangkap untuk dijual atau disembelih.

“Terdapat penternak yang memelihara kerbau, namun mereka menghadapi beberapa masalah seperti pembiakan, makanan, baka dan kesihatan,” katanya ketika ditemui di Projek Ladang Penyelidikan dan Pembiakan Kerbau, Telupid, Sabah baru-baru ini.


Kerajaan telah lama menyedari potensi ternakan kerbau di Sabah lalu menubuhkan Projek Ladang Penyelidikan dan Pembiakan Kerbau di Telupid, Sabah bagi mengatasi masalah tersebut sejak tahun 1979.

Setelah bertahun-tahun beroperasi dan menawarkan perkhidmatan kepada masyarakat, pusat tersebut kini dalam proses mengembangkan lagi fungsi mereka menerusi kajian lebih terperinci dalam meningkatkan produktiviti pengeluaran kerbau.

Selain menjalankan penyelidikan terhadap kerbau, pusat itu juga membekalkan baka (anak) kerbau kepada penternak serta masyarakat setempat di seluruh Sabah.



DR. Md. Zuki (kanan) menunjukan kedudukan embrio ketika proses mengimbas dilakukan ke atas induk kerbau.



DR. Azhar sedang meneliti keadaan anak kerbau yang ditempatkan secara berasingan.



PENGAMBILAN sampel darah bagi tujuan analisis penyakit yang dihadapi kerbau.



Pengelasan saintifik

- Alam: Haiwan
 - Filum: Kordata
 - Kelas: Mamalia
 - Order: Artiodactyla
 - Keluarga: Bovidae
 - Subkeluarga: Bovinae
 - Genus: Bubalus
 - Spesies: *B. bubalis*.
-
- 95 peratus daripada populasi kerbau di dunia terdapat di Asia.
 - Kerbau liar masih terdapat di Pakistan, India, Bangladesh, Nepal, Bhutan, Vietnam, China, Filipina, Taiwan, Indonesia dan Thailand.
 - Kerbau dewasa dapat memiliki berat sekitar 300 kg hingga 600 kg.

Namun, sejak kebelakangan ini, kadar pembiakan kerbau telah menurun menjadikan fungsi pusat itu sebagai pembekal dan pengeluar baka kerbau terbaik di Sabah sedikit terjejas.

Justeru, pusat tersebut telah mendapatkan bantuan tiga orang pakar iaitu Dr. Mohd. Zamri serta dua lagi rakannya iaitu Profesor Madya Dr. Azhar Kasim dari Fakulti Pertanian, UPM (pakar pemakanan) dan Profesor Dr. Md. Zuki Abu Bakar dari Fakulti Perubatan Veterinar, UPM (pakar pembiakan) bagi mengatasi masalah tersebut.

Jelas Dr. Mohd. Zamri, satu projek khas sedang dijalankan bagi membantu memperbaiki kaedah pemeliharaan agar peratus kebuntingan dan kelahiran anak kerbau kembali meningkat.



DR. MOHD. ZAMRI SAAD

“Sebelum ini pihak pengurusan merekodkan kelahiran anak kerbau hanya 50 ekor iaitu hanya 25 peratus daripada hampir 300 ekor kerbau pembiak yang terdapat di pusat ini.

“Justeru kajian dilakukan bagi meningkatkan kadar kebuntingan dan kelahiran tersebut sehingga 60 peratus,” katanya.

Ditanya bagaimana sasaran tersebut dapat dicapai, Dr. Mohd. Zamri menyatakan kumpulannya memiliki formula khas bagi menangani permasalahan tersebut.

Antaranya adalah gabungan ketiga-tiga pakar tersebut bagi melaksanakan tugas yang berlainan namun saling berkaitan.